

Headline	Kedai Tenaga beroperasi secara berperingkat mulai hari ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	7
ArticleSize	168 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,496		



## Kedai Tenaga beroperasi secara berperingkat mulai hari ini

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan membuka semula Kedai Tenaga secara berperingkat mulai hari ini, sejajar langkah kerajaan memberi kelonggaran kepada sektor perkhidmatan ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sebanyak 47 Kedai Tenaga dan 31 kios pembayaran layan diri di lima negeri yang diisytihar Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai zon hijau akan beroperasi semula.

Lima negeri berkenaan ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak (kecuali di Sri Manjung) dan Kelantan. Tarikh pembukaan semula Kedai Tenaga dan kios pembayaran layan diri di negeri lain akan diumumkan kelak.

Selain pembayaran bil elektrik, pelanggan juga boleh melakukan pelbagai transaksi di Kedai Tenaga termasuk pertanyaan bil, pembayaran bil utiliti lain, permohonan bekalan elektrik, penarikan penyewa (change of tenancy) dan penutupan akaun.

Waktu operasi Kedai Tenaga adalah jam 9 pagi hingga jam 4 petang. Kios pembayaran layan diri pula beroperasi dari jam 8 pagi hingga jam 8 malam.

Kedai Tenaga di seluruh negara ditutup buat sementara sejak 19 Mac 2020 bagi mengelak penyebaran virus COVID-19.

Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh menggunakan portal dan aplikasi myTNB untuk perkhidmatan berkaitan TNB tanpa perlu keluar dari kediaman masing-masing.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata selari dengan kelonggaran dalam PKPB, persiapan sudah dibuat mengikut peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi memelihara keselamatan pelanggan dan kakitangan.

"Langkah berjaga-jaga yang dilakukan di Kedai Tenaga termasuk memastikan pelanggan memakai pelitup muka, melakukan pemeriksaan suhu badan, memberi butiran diri sebelum memasuki premis untuk tujuan pengecasan kontak, menggunakan cecair nyah kuman yang disediakan serta mengamalkan penjarakan sosial," katanya dalam satu kenyataan semalam.

TNB juga menawarkan saluran alternatif bagi pembayaran digital seperti JomPAY dan perbankan internet. Pelanggan juga boleh membuat pembayaran secara tunai di cawangan Pos Malaysia, 7-Eleven, 99 Speedmart, KK Mart, Kedai Mesra Petronas, Shell Select dan Ejen Bank Bertaftar di kedai BSN.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
7 Eleven (7 Eleven)	1	0	RM 0
99 Speed Mart Sdn Bhd (99 Speed Mart)	1	0	RM 0
99 Speed Mart Sdn Bhd (99 Speedmart Sdn Bhd)	1	0	RM 0
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Bank Simpanan Nasional (Bank Simpanan Nasional)	1	0	RM 0
Bername - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	1	0	RM 0
DIGITAL PERAK CORPORATION HOLDINGS	1	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	1	0	RM 0
Industry News - Energy Commission (EC) (Industry News -	2	0	RM 0
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (Jabatan Perkhidmatan Awam	1	0	RM 0
KK Group (KK Group )	1	0	RM 0
Ministry of Health - Covid (Ministry of Health - Covid)	1	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health - Special - SG)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health (MOH) - SG)	1	0	RM 0
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) (PETRONAS)	1	0	RM 0
PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) (Kedai MESRA PETRONAS)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	1	0	RM 0
Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia Bhd)	1	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Ramsay Sime Darby Health Care Group (Ministry of Health - Malaysia	2	0	RM 0
Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell Malaysia Trading Sdn Bhd)	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	5	0	RM 0